

18/02/1997

## Kawasan lindungi hidupan liar untungkan negara

KUALA LUMPUR, Isnin - Pengalaman di negara ini membuktikan penubuhan kawasan perlindungan hidupan liar tidak bercanggah dengan keperluan ekonomi dan sosial, kata Pengarah Eksekutif Tabung Alam Sedunia (WWF) Malaysia, Datuk Mikail Kavanagh.

Sebaliknya, katanya, penubuhan kawasan perlindungan terbabit memberikan pelbagai faedah ekonomi dan perkara itu boleh dilihat berlaku di Perlis dan Sabah sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Beliau berkata, Sabah menubuhkan Kawasan Perlindungan Kinabatangan yang kaya dengan pelbagai hidupan liar seperti monyet proboscis dan gajah, manakala Perlis kini dalam proses menubuhkan Taman Negeri Nakawan.

"Di dua negeri terbabit, WWF Malaysia mengambil bahagian dengan aktif termasuk membantu kerajaan negeri masing-masing memastikan taman negara terbabit mewujudkan keuntungan."

"Dengan cara ini, kita mewujudkan keadaan menang-menang - untuk pembangunan dan juga perlindungan hidupan liar," katanya dalam satu kenyataan di sini, petang ini.

Sambil menyatakan sokongan WWF Malaysia terhadap permintaan Datuk Seri Dr Mahathir supaya wujud keseimbangan di antara pembangunan dan pemuliharaan hidupan liar, Kavanagh berkata, sehingga kini pemuliharaan hidupan liar tidak menerima pendedahan yang sewajarnya.

Beliau berkata, hidupan liar sukar untuk dipulihara jika berada di luar habitat asalnya dan Malaysia mempunyai senarai hidupan liar terbaik di dunia.

"Sehubungan itu, amat penting bagi kerajaan untuk memastikan kawasan perlindungan hidupan liar dipertahankan untuk generasi akan datang," katanya.

Kavanagh berkata, WWF Malaysia juga menyokong permintaan Perdana Menteri supaya semua kerajaan negeri menyediakan peruntukan untuk melindungi hidupan liar, termasuk membangunkan taman negara.

Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan berkenaan ketika diminta mengulas rayuan pakar hidupan liar terhadap kerajaan negeri supaya menjaga hidupan liar supaya haiwan tidak pupus atau berpindah.

Sementara itu, Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), S M Mohammad Idris, mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan dasar perlindungan hidupan liar untuk mengelakkan kehilangan hidupan berkenaan secara serius.

Beliau berkata, Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 juga perlu diperkukuhkan untuk memastikan kawasan sedia ada tidak terjejas dengan peningkatan pembangunan di seluruh negara.

"Ketika ini, akta berkenaan tidak menyediakan peruntukan untuk membolehkan pihak berkuasa menghalang penukaran taraf kawasan perlindungan berkenaan untuk dibangunkan," katanya.

(END)